

16/05/2000

Umno dampingi pelajar di luar negara

KUALA LUMPUR, Isnin - Umno akan menggunakan khidmat bekas ahli kelab Umno luar negara untuk melancarkan gerakan mendampingi pelajar dalam dan luar negara dalam usaha mendekati golongan pelajar, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata Umno perlu menukar pendiriannya dulu yang tidak mahu mengganggu pelajar kerana pembangkang sudah meracuni pemikiran mereka untuk membenci kerajaan.

"Kita sedang mencari orang yang sanggup rapat dengan pelajar bagi membawa balik mereka ke jalan yang benar dan tidak terus dihasut oleh orang tertentu.

"Saya akan meminta jawatankuasa pertubuhan alumni kelab-kelab Umno luar negara supaya menyenaraikan anggota mereka yang berbakat dan sanggup menjadi sukarelawan untuk mendampingi pelajar di dalam dan luar negara.

"Ahli kelab dapat bergerak untuk membakar semangat kebangsaan di kalangan pelajar bagi memastikan hasrat membangunkan bangsa maju tercapai," katanya.

Tindakan ini sekaligus dilihat mengubah dasar Umno yang sebelum ini tidak mahu membabitkan pelajar dengan politik.

Dr Mahathir berkata, dulu kelab Umno ditubuhkan di luar negara lebih bersifat sosial kerana tidak mahu pelajar terlalu aktif dalam politik, tetapi kebanyakan penuntut sekarang didapati bukannya suka menyertai kelab Umno tapi lebih suka menyertai kelab lain, seperti kelab Abim.

Beliau mahu semangat kebangsaan dan ingin memajukan bangsa dijadikan teras serta diserapkan kepada generasi muda, khususnya pelajar IPT.

Perdana Menteri berkata, matlamat itu boleh dilaksanakan secara menyeluruh sekiranya bekas pelajar, khususnya ahli Kelab Umno di luar negara turut sama membakar semangat patriotik di kalangan generasi muda.

Beliau berkata demikian dalam ucapan utama pada majlis pelancaran Pertubuhan Alumni Kelab-Kelab Umno Luar Negara di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam ini.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri Aziz dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Pertubuhan itu yang dipengerusikan oleh Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Noh Omar, membuka keahlian kepada semua bekas ahli 24 kelab di luar negara.

Dr Mahathir berkata kerajaan melarang penyertaan politik oleh pelajar kerana tidak mahu pelajaran mereka diganggu, tetapi hakikatnya banyak penghasut sudah meracuni fikiran mereka.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan kini memutuskan untuk merapatkan hubungan dengan pelajar, bukan saja di IPT tetapi di peringkat sekolah serta tadika di seluruh negara.

"Kita perlu mendekati mereka dari peringkat tadika kerana di sini kanak-kanak ditanam semangat membenci kerajaan dan diajar menconteng dan menikam gambar pemimpin oleh pihak mendakwa memperjuangkan Islam.

"Kita kesal kerana kanak-kanak sudah diajar nilai tidak baik dan ditanam sikap bermusuhan sesama sendiri," katanya sambil mengajak ahli pertubuhan itu memberi penerangan kepada pelajar.

Perdana Menteri berkata, kerajaan memerlukan tenaga penceramah untuk mendekati pelajar tempatan dan membawa mereka kembali ke pangkal jalan

walaupun jumlah pelajar yang menuntut di luar negara sudah berkurang.  
(END)